

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

HHA 101 - Pengantar Seni Halus

Tarikh: 30 Mac 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 Jam)

Jawab SEMUA soalan.

Kendalikan penghayatan untuk keenam-enam buah karya seni yang ditunjukkan melalui tayangan slaid. Had maksimum perbincangan untuk tiap-tiap karya ialah 2 (DUA) muka surat. JANGAN MELEBIHI DUA MUKA SURAT. Pastikan penghujahan anda adalah jelas dan ringkas.

Setiap slaid akan ditayangkan selama 7 minit, dan akan diulangtayang selama 3 minit lagi selepas semua slaid telah ditayangkan.

Empat daripada karya-karya yang ditayangkan diiringi dengan maklumat-maklumat atau/dan soalan-soalan yang spesifik. Karya pertama dan kedua tidak diiringi oleh apa-apa maklumat.

1. Bincangkan reaksi anda terhadap karya yang ditayangkan.
2. Bincangkan reaksi anda terhadap karya yang ditayangkan.
3. Pelukis : Cheong Soo-Pieng
Tajuk : Kehidupan Tropikal
Tahun : 1959
Bahan/tara: Dakwat cina atas kertas
Ukuran : 17" x 36"

Tafsirkan sikap pelukis terhadap tema lukisan berkenaan. Apakah yang dinyatakan oleh pelukis tentang kehidupan tropikal?

4. Pelukis : Abdul Latiff Mohidin

Tajuk : Pemandangan Pago-Pago

Tahun : 1968

Bahantara: Cat minyak atas kanvas

Ukuran : 40" x 39"

Kendalikan satu penghayatan tentang lukisan berkenaan sambil menekankan ciri-ciri lanskap dan alam semulajadi yang mungkin terbayang. Dalam penghayatan anda, apakah pengertian pengubahan (transformasi) bentuk-bentuk alam semulajadi yang boleh dikesan? Kenapakah agaknya pemandangan alam dilukis sebegitu? Apakah kesannya pengolahan begitu di sanubari anda?

5. Pelukis : Jolly Koh

Tajuk : Jalan ke Subang

Tahun : 1969

Bahantara: Cat minyak atas kanvas

Ukuran : 60" x 48"

Berhubungan dengan lukisan oleh Jolly Koh ini, T.K. Sabapathy, di dalam buku, "Modern Malaysian Artists" (K.L., DBP, m.s.120-121), berpendapat bahawa,

"Karya ini, sama seperti kebanyakan daripada lukisan-lukisan Jolly Koh, adalah sungguh menenangkan dan amat membangkitkan perasaan (highly evocative). . . .Jalan ke Subang 1969, adalah jelas sekali berpunca dari satu pemandangan alam atau lanskap tertentu."

Apakah pendapat dan perasaan anda pula?

6. Pelukis : Ibrahim Hussein

Tajuk : Ayahku dan Angkasawan

Tahun : 1969

Bahan/tara: Cat minyak atas kanvas

Ukuran : 50" x 76"

Tafsirkan pengertian hubungan di antara orang tua (ayah) dan angkasawan di dalam lukisan. Apakah yang boleh anda perolehi dari pendampingan (juxtaposition) ini?

-0000000-